A

Pendakwa Raya lwn Chai Kin Sang dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42ES-1–05 TAHUN 2023
HASBULLAH ADAM H
21 APRIL 2024

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Pertuduhan di bawah s 430 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Pelepasan bahan berbahaya daripada premis responden-responden melalui alur air sehingga masuk ke Sungai*
D *— Mahkamah sesyen mendapati kes prima facie gagal dibuktikan — Responden-responden dilepaskan dan dibebaskan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan di akhir kes pendakwaan — Sama ada responden-responden dengan niat bersama melakukan khianat dengan menyebabkan pelepasan bahan berbahaya ke dalam sungai — Sama ada*
E *responden-responden telah melepaskan bahan berbahaya daripada premis mereka ke dalam alur air yang mengalir ke dalam Sungai — Sama ada terdapat keraguan munasabah dalam kes pendakwaan — Sama ada terdapat alasan yang bermerit untuk mahkamah mengganggu gugat keputusan mahkamah sesyen bahawa kes prima facie gagal dibuktikan — Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 25(1) & (3)*
F *— Kanun Keseksaan ss 34 & 430 — Kanun Tatacara Jenayah s 316*

Kedua-dua responden telah dituduh melakukan kesalahan-kesalahan di bawah: (a) s 430 Kanun Keseksaan ('Akta 574') dibaca bersama s 34 Akta 574 dan boleh dihukum di bawah s 430 Akta 574 ('pertuduhan pertama'); dan (b)
G s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ('Akta 127') dibaca bersama s 34 Akta 574 dan boleh dihukum di bawah s 25(3) Akta 127. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah berkaitan dengan pelepasan bahan berbahaya daripada premis responden-responden iaitu FG Autoparts Sdn Bhd ('premis FG') melalui alur air sehingga masuk ke Sg Gong yang didakwa dilakukan di antara
H tarikh 17 hingga 19 Oktober 2020 ('tarikh-tarikh tersebut') yang menyebabkan pencemaran bau. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal memenuhi elemen asas yang terpenting bagi pertuduhan-pertuduhan tersebut iaitu bahan berbahaya yang dibuang atau dilepaskan oleh responden-responden hendaklah mengalir dari premis FG
I tersebut melalui alur air dan masuk ke Sg Gong. Di atas kegagalan ini, kes prima facie tidak dibuktikan dan responden-responden telah dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut, oleh itu, rayuan semasa. Dalam rayuan ini, mahkamah telah telah mempertimbangkan beberapa perkara iaitu: (a) ketidaksepadanan

sampel-sampel yang dianalisa oleh ahli kimia ('SP15') dan sampel-sampel yang dikemukakan dalam mahkamah; (b) kewujudan premis syarikat Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd ('premis Soon Heng') bersebelahan dengan premis FG tersebut yang terlibat dalam kerja pembasuhan 'culvert' dengan menggunakan 'solvent' dan kelewatan pegawai penyiasat ('SP21') menyiasat premis Soon Heng; (c) laporan-laporan kimia yang tidak konklusif; (d) kegagalan membuktikan aktivit mencuci jentera berat di premis FG pada tarikh kejadian; (e) proses simulasi pencemaran air Sg Gong yang gagal dan cacat; (f) sama ada bahan berbahaya yang mengalir dari premis FG dan memasuki Sg Gong adalah akibat daripada tumpahan minyak jentera berat yang berpunca daripada peralatan 'waterjet' yang bocor; dan (g) ketiadaan alur air yang jelas di hadapan premis FG.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden bagi kedua-dua pertuduhan tersebut:

(1) Dalam mendengar rayuan semasa, mahkamah berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah dan tidak menurut undang-undang (lihat perenggan 23).

(2) Mahkamah mendapati bahawa responden-responden telah didakwa dengan niat bersama atas kapasiti peribadi mereka masing-masing. Ini berbeza sekiranya sebuah badan korporat atau syarikat yang didakwa atau dituduh. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan bagi membuktikan bahawa responden-responden dengan niat bersama telah menyebabkan khianat dengan menyebabkan pelepasan bahan berbahaya tersebut ke dalam Sg Gong (bagi pertuduhan pertama) atau telah melepaskan bahan berbahaya daripada premis FG tersebut ke dalam alur air yang mengalir ke dalam Sg Gong (bagi pertuduhan kedua) (lihat perenggan 27–28).

(3) Pernyataan bertulis SP15 menyatakan bahawa sampel-sampel yang diterima olehnya bermeterai 'Justice Via Forensics', namun barang kes yang dirujukkan kepada SP15 tidak mempunyai meterai tersebut. Selain itu, SP21 menyatakan bahawa alur air di hadapan premis Soon Heng adalah bersambung dengan premis FG, namun SP21 hanya pergi menyiasat premis Soon Heng tersebut pada 27 Oktober 2020. Mahkamah mendapati bahawa ketidaksepadanan sampel-sampel tersebut serta kelewatan SP21 untuk menyiasat premis Soon Heng telah menimbulkan keraguan yang munasabah. Oleh itu, mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa bahan berbahaya tersebut mengalir daripada premis FG melalui alur air dan memasuki Sg Gong. Malahan terdapat

keraguan yang ketara terhadap sampel-sampel yang diambil dalam siasatan kes ini untuk membuktikan kandungan bahan berbahaya yang berpunca daripada premis FG (lihat perenggan 30, 33, 34–35 & 37).

(4) Laporan-laporan kimia yang dikemukakan gagal menyatakan atau menunjukkan isipadu atau jumlah 'waste oil' yang terkandung dalam bahan atau sampel yang dibuat analisis tersebut bagi menentukan sama ada sampel-sampel yang diambil telah mengganggu gugat indeks/parameter kualiti air atau tidak. Ujian berkaitan indeks/parameter kualiti air adalah amat penting bagi menentukan status kualiti air bagi membolehkan keputusan sama ada benar air tersebut tidak lagi boleh digunakan bagi tujuan asal. Oleh itu, laporan-laporan kimia tersebut adalah tidak konklusif atau tidak mencukupi untuk tujuan pembuktian bagi pertuduhan kedua (lihat perenggan 40 & 42).

(5) Mahkamah mendapati bahawa: (a) pihak pendakwaan gagal membuktikan wujudnya kerja-kerja pembersihan mesin tersebut yang dijalankan pada tarikh-tarikh tersebut; (b) simulasi yang telah dijalankan tidak menggambarkan keadaan sebenar pada masa kejadian kerana jumlah air yang dilepaskan adalah terlalu 'excessive' iaitu berjumlah 12,000 liter, sedangkan tiada keterangan yang boleh menunjukkan bahawa pada tarikh-tarikh yang material, sebanyak 12,000 liter air juga telah digunakan oleh responden-responden untuk melepaskan atau membunag bahan berbahaya ke Sg Gong; (c) terdapat keraguan tentang masa sebenar berlakunya kebocoran peralatan 'waterjet' tersebut, dan sekiranya adapun kebocoran tersebut, pihak pendakwaan gagal membuktikan kuantiti minyak diesel yang menitik akibat kebocoran tersebut seningga membolehkan ia mengalir dari premis FG memasuki Sg Gong; dan (d) tiada keterangan dalam kes pendakwaan yang dapat menunjukkan dengan jelas aliran alur air daripada luar premis FG hingga ke Sg Gong (lihat perenggan 43–44, 48, 50 & 52–53).

(6) Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar serta mempertimbangkan penghujahan bertulis serta penghujahan lisan pihak pendakwaan dan pihak responden, mahkamah berpuas hati dan mendapati bahawa tidak wujud alasan yang bermerit untuk mahkamah mengganggu gugat dapatan dan keputusan HMS tersebut menurut s 316 Kanun Tatacara Jenayah. Keputusan HMS yang mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden-responden adalah tepat dan wajar (lihat perenggan 55).

[English summary

Both the respondents were charged with the offences under: (a) s 430 of the Penal Code ('Act 574') read together with s 34 of Act 574 and punishable under s 430 of Act 574 ('the first charge'); and (b) s 25(1) of the Environmental Quality Act 1974 ('Act 127') read together with s 34 of Act 574 and punishable

under s 25(3) of Act 127. The offences committed were related to the release of hazardous substances from the premises of the respondents namely FG Autoparts Sdn Bhd ('the FG premises') through the watercourse until entering Sg Gong which was alleged to have been done between 17 to 19 October 2020 ('the said dates') which caused odour pollution. The sessions court judge ('the SCJ') found that the prosecution failed to fulfil the most important basic element for the charges, which was that the hazardous substances dumped or released by the respondents must flow from the FG premises through the watercourse and into Sg Gong. Due to this failure, prima facie case was not proven, and the respondents were discharged and acquitted at the end of the prosecution case for both charges, hence, the present appeal. In this appeal, the court had considered a number of things, namely: (a) the inconsistency of the samples analysed by the chemist ('SP15') and the samples produced in court; (b) the existence of the premises of Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd company ('Soon Heng premises') next to the said FG premises which were involved in the work of washing the 'culvert' using 'solvents' and the delay of the investigating officer ('SP21') to investigate the Soon Heng premises; (c) inconclusive chemical reports; (d) failure to prove heavy machinery washing activities at the FG premises on the date of the incident; (e) the failed and flawed Sg Gong water pollution simulation process; (f) whether the hazardous substances that flowed from the FG premises and entered Sg Gong were the result of heavy machinery oil spills caused by leaking waterjet equipment; and (g) the absence of a clear watercourse in front of the FG premises.

Held, dismissing the appeal, and affirming the order of acquittal and discharge for both the charges:

(1) In hearing the present appeal, the court was guided by the well-established legal principles that the court at the appeal stage should take a position not to interfere with the decision made by the trial court unless it was clear that there was a misdirection in the decision and the decision was not in accordance with the law (see para 23).

(2) The court found that the respondents were charged with common intention in their respective personal capacities. The situation would be different if it was a corporate body or company that was charged or accused. Therefore, it was the responsibility of the prosecution to prove that the respondents with common intention had caused mischief by causing the release of the hazardous substance into Sg Gong (for the first charge) or had released the hazardous substance from the FG premises into the flowing watercourse into Sg Gong (for the second charge) (see paras 27–28).

(3) SP15's written statement stated that the samples received by him were sealed with 'Justice Via Forensics', but the exhibits referred to SP15 did not have such seal. In addition, SP21 stated that the watercourse in front

of the Soon Heng premises was connected to the FG premises, but SP21 had only went to investigate the Soon Heng premises on 27 October 2020. The court found that the inconsistency of the samples as well as SP21's delay in investigating the Soon Heng premises had raise a reasonable doubt. Therefore, the court agreed with the findings of the SCJ that the prosecution had failed to prove that the hazardous substances flowed from the FG premises through the watercourse and entered Sg Gong. In fact, there were obvious doubts about the samples taken in the investigation of this case to prove the content of hazardous substances originating from the FG premises (see paras 30, 33, 34–35 & 37).

(4) The chemical reports which were adduced in court failed to state or show the volume or amount of 'waste oil' contained in the material or sample that was analysed to determine whether the samples taken had affected the water quality index/parameter or not. Tests related to water quality index/parameter were very important to determine the status of water quality in order to decide whether it was true that the water could no longer be used for its original purpose. Therefore, the chemical reports were inconclusive or insufficient for the purpose of proving the second charge (see paras 40 & 42).

(5) The court found that: (a) the prosecution failed to prove that the cleaning work of the machine was carried out on the said dates; (b) the simulation that had been carried out did not reflect the actual situation at the time of the incident because the amount of water released was too 'excessive' which amounted to 12,000 liters, while there was no evidence that could show that on the material dates, as much as 12,000 liters of water was also used by the respondents to release or dump hazardous substances into Sg Gong; (c) there was a doubt about the actual time of the leak of the 'waterjet' equipment, and even if there was a leak, the prosecution failed to prove the quantity of diesel oil that dripped as a result of the leak which caused it to flow from the FG premises into Sg Gong; and (d) there was no evidence in the prosecution case that could clearly show the flow of water from outside the FG premises to Sg Gong (see paras 43, 44, 48, 50 & 52–53).

(6) After examining the appeal record and hearing as well as considering the written and oral submissions of the prosecution and the respondent, the court was satisfied and found that there was no meritorious reason for the court to interfere with the findings and decision of the SCJ pursuant to s 316 of the Criminal Procedure Code. The decision of the SCJ that the prosecution had failed to prove a prima facie case against the respondents was accurate and appropriate (see paras 55).]

Kes-kes yang dirujuk

Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, MP (dirujuk)

Loh Kah Loon v PP [2011] 4 MLJ 260, MP (dirujuk)

Malaysian Vermicelli Manufacturers (Melaka) Sdn Bhd v Pendakwa Raya [2001] MLJU 359; [2001] 7 CLJ 74, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 25(1), (3)

Kanun Keseksaan ss 34, 430

Kanun Tatacara Jenayah s 316

Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

Jahaberdeen Mohamed Yunoos (Muhammad Nor Izzat b Nordin, Muhammad Danish b Abdul Rashid dan Muhammad Sufyan Wafi b Mohd Zainal bersamanya) (Jahaberdeen & Co) bagi pihak responden.

Hasbullah Adam H:

PENDAHULUAN

[1] Kes ini merupakan rayuan oleh pendakwa raya ('perayu') yang tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan hakim Mahkamah Selayang yang telah melepas dan membebaskan Chai Kin Sang ('responden pertama') dan Chai Wern Teik ('responden kedua') (atau secara kolektif dirujuk sebagai 'responden-responden') di akhir kes pendakwaan bagi dua pertuduhan kesalahan iaitu:

(a) kesalahan di bawah s 430 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan s 430 Kanun Keseksaan; dan

(b) kesalahan di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah s 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[2] Mahkamah ini telah mendengar rayuan ini pada 9 November 2023 dan seterusnya memutuskan bahawa rayuan perayu ditolak. Oleh yang demikian, keputusan atau perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden oleh hakim Mahkamah Sesyen Selayang ('HMS') tersebut dikekalkan.

[3] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia bertarikh 22 November 2023.

PERTUDUHAN

[4] Pertuduhan-pertuduhan ke atas responden-responden adalah seperti berikut:

Pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu di antara 17 hingga 19 haribulan Oktober 2020 di premis FG Autoparts Sdn Bhd beralamat di Lot 16273, Jalan Sungai Bakau-Batu Arang, Rawang dalam Daerah Gombak, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan niat bersama telah melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buang yang mengandungi bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts Sdn Bhd dilupuskan ke dalam alur air yang mana akan mengalir ke dalam Sungai Gong, Rawang dengan mengetahui bahawa ia mungkin akan menyebabkan susut bekalan air bagi maksud minuman manusia dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 430 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan dibaca bersama-sama s 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan s 430 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu di antara 17 hingga 19 haribulan Oktober 2020 di premis FG Autoparts Sdn Bhd beralamat di Lot 16273, Jalan Sungai Bakau-Batu Arang, Rawang dalam Daerah Gombak, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan niat bersama telah melepaskan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts Sdn Bhd ke dalam alur air yang mana akan mengalir ke dalam Sungai Gong, Rawang tanpa lesen. Oleh itu kamu semua telah melakukan satu 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah s 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

RINGKASAN FAKTA KES PENDAKWAAN

[5] Aden bin Taib ('SP3') yang bekerja sebagai Penolong Naib Presiden 2, Pengurusan Air Selangor menyatakan bahawa pada 19 Oktober 2020 jam lebih kurang 12.38 pagi beliau telah menerima laporan daripada Pengurus Wilayah Utara A mengenai bau abnormal yang dikesan pada sumber air mentah di Sungai Selangor. SP3 telah membuat laporan polis iaitu Rawang Report No 011077/20 bertarikh 20 Oktober 2020 (eksh P32) memohon siasatan pihak polis.

[6] Pasukan Khas Lembangan dan Alur Air ('PAKAR') telah memaklumkan kepada pihak Lembaga Urus Air Selangor ('LUAS') dan pihak berkuasa yang lain berkenaan dengan insiden tersebut. Pada 19 Oktober 2020 jam 00.30 pagi, Loji Rawatan Air ('LRA') Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas dan diikuti dengan jam 2.00 pagi apabila LRA SSP1, SSP2 dan SSP3 juga terpaksa dihentikan tugas apabila kadar bau dikesan pada paras 3 *Treshold Odour Number* ('TON'). Menurut SP3 dalam reportnya menyatakan bahawa

hasil siasatan PAKAR, bau yang dikesan berakhir di alur Sungai Gong yang berkoordinat 3.308856, 101.541967.

[7] PAKAR yang terdiri daripada tiga pasukan iaitu pasukan A diketuai oleh SP3, pasukan B diketuai oleh Muhammad Nassir bin Mohd Yassin ('SP6') dan pasukan C yang diketuai oleh Mohamad Syafiq bin Samsuri ('SP5') telah diarahkan untuk membuat siasatan berkenaan insiden tersebut. Pada jam 12 tengahari, ujian bau telah dibuat di luar premis FG Autoparts Sdn Bhd dan mendapati ada bau *solvent* dan kesan minyak hitam kehijauan. Sampel telah diambil dalam botol plastik mengandungi satu liter air dan botol kaca mengandungi 500ml bertulis Doosan WDG Resources Sdn Bhd

[8] ASP Nuur Fahmy bin Abu Samah yang merupakan Pegawai Penyiasat ('SP21') bersama pasukannya telah pergi ke tempat kejadian tersebut iaitu FG Autoparts Sdn Bhd yang beralamat di Lot 16273, Jalan Sungai Bakau-Batu Arang, Rawang ('premis FG Autoparts') yang merupakan sebuah kilang membaiki dan menjual jentera berat (baru dan terpakai). Insp Nor Aznida bt Aladdin ('SP13') yang merupakan Pegawai Forensik IPK Selangor telah mengambil tujuh sampel seperti berikut:

(a) satu botol berisi sampel cecair/bahan kimia dari sebuah enjin lori yang diubahsuai menjadi *waterjet* ('tandaan F1');

(b) satu botol berisi sampel tanah di lantai simen di premis FG Autoparts ('tandaan F2');

(c) satu botol berisi sampel tanah daripada dalam sebuah tong drum ('tandaan F3');

(d) satu botol berisi sampel cecair diambil dari dalam sebuah tangki air ('tandaan F4');

(e) satu botol berisi sampel cecair yang diambil dari laluan longkang/alur air ('tandaan F5');

(f) satu botol berisi sampel cecair yang diambil dari takungan minyak/air ('tandaan F6'); dan

(g) satu botol berisi sampel cecair yang diambil dari alur air/longkang di luar pagar premis FG Autoparts ('tandaan F7').

[9] Manakala pihak PAKAR dalam siasatannya juga telah mengambil 14 sampel air seperti berikut:

(a) dua botol sampel air bertulis C18 Sungai Kundang ('tandaan F8-F8A');

(b) dua botol sampel air bertulis Dosan WDG Resources ('tandaan F9-F9A');

(c) dua botol sampel air bertulis inlet kolam JPS (Taman Bayu Permai) ('tandaan F10-F10A');

(d) dua botol sampel air bertulis *intake* Rantau Panjang ('tandaan F11-F11A');

(e) dua botol sampel air bertulis C22 ('tandaan F12-F12A');

(f) dua botol sampel air bertulis SSP2 *intake* ('tandaan F13-F13A'); dan

(g) dua botol sampel air bertulis C14 ('tandaan F14-F14A').

[10] Pada 22 Oktober 2020, SP21 telah menghantar kesemua sampel tersebut (tandaan F1 hingga F14A) ke Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya bagi tujuan analisis.

[11] Sementara itu, proses simulasi berkaitan saliran alur air telah dijalankan pada 23 Oktober 2020 bertujuan bagi menentukan arah aliran air melalui alur air dari dalam premis FG Autoparts hingga ke laluan alur air Sungai Gong, Rawang di mana sejumlah 12,000 liter air telah digunakan bagi kedua-dua takungan air yang dibina.

[12] SP21 juga telah menerima tujuh sampel air yang diambil oleh pihak Air Selangor ketika proses simulasi tersebut (tandaan F15 hingga F21) dan satu botol plastik bertulis rose layang ('tandaan F22') yang mana juga telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa.

[13] Jivanthiran a/l Myilravanam, Ahli Kimia ('SP15') telah menjalankan pemeriksaan dan menganalisis kesemua sampel yang telah dikemukakan dan menyediakan tiga laporan kimia seperti berikut:

(a) Laporan Kimia No Makmal: B(AS)02101/20 bagi sampel dengan tandaan F1 hingga F7 ('eksh P65');

(b) Laporan Kimia No Makmal: B(AS)02102/20 bagi sampel dengan tandaan F8 hingga F14A ('eksh P66'); dan

(c) Laporan Kimia No Makmal: B(AS)02103/20 bagi sampel dengan tandaan F15 hingga F22 ('eksh P67').

[14] Responden pertama (yang merupakan pengarah syarikat) telah ditangkap pada 21 Oktober 2020 seperti mana dalam laporan tangkap Rawang Report No 011108/20 ('eksh P100'). Manakala responden kedua pula ditangkap pada hari yang sama kemudiannya seperti mana dalam laporan tangkap Selayang Report No 022948/20 ('eksh P102').

DAPATAN HMS DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[15] HMS yang bijaksana telah mengarahkan dirinya membuat penilaian maksimum berasaskan kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan elemen kesalahan-kesalahan tersebut.

[16] Berdasarkan kepada pertuduhan-pertuduhan tersebut, HMS berpendapat bahawa satu elemen asas yang terpenting yang hendaklah dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah bahawa bahan berbahaya yang dibuang/dilepaskan oleh responden-responden hendaklah mengalir dari premis FG Autoparts Sdn Bhd melalui alur air dan masuk ke Sungai Gong. Sekiranya elemen ini sahaja pun tidak berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, maka tiada kes prima facie yang telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, tidak kiralah sama ada elemen-elemen lain berjaya dibuktikan.

[17] Bagi maksud penentuan bagi penentuan elemen asas ini, HMS telah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan, terutamanya SP11 dan SP14, bersama dengan dokumen-dokumen yang diterima sebagai ekshibit-ekshibit. Dua persoalan yang dibangkitkan oleh HMS tersebut adalah seperti berikut:

(a) adakah terdapat apa-apa keterangan terus (*direct evidence*) yang menunjukkan responden-responden membuang/melepaskan bahan berbahaya dari premis FG Autoparts Sdn Bhd ke dalam alur air? dan

(b) dakah terdapat apa-apa keterangan terus (*direct evidence*) yang menunjukkan bahan berbahaya tersebut mengalir dari alur air dan masuk ke Sungai Gong?

[18] Adalah dapatan HMS tersebut bahawa tiada apa-apa keterangan kredibel yang menunjukkan responden-responden membuang/melepaskan bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts ke dalam alur air. Malahan berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri iaitu SP19 dan SP20 (kedua mereka merupakan pekerja syarikat FG Autoparts Sdn Bhd) menyatakan bahawa responden-responden tidak pernah membuang/melepaskan bahan berbahaya dari premis FG Autoparts Sdn Bhd ke dalam alur air.

[19] Adalah dapatan oleh HMS terhadap perkara di atas berdasarkan perkara yang berikut:

(a) kedua orang pekerja responden-responden yang biasanya menjalankan kerja-kerja pembersihan mesin telah pun meninggal dunia dan tidak dapat dipanggil memeberi keterangan;

(b) sekiranya ada pun apa-apa kerja pembersihan mesin yang dijalankan di premis FG Autoparts, ia tidak dijalankan pada 17–19 Oktober 2020;

(c) responden-responden mempunyai mekanisme untuk menapis kekotoran yang berpunca dari air bagi kerja-kerja permbersihan mesin yang kemudiannya disimpan dalam tong dalam tong di premis FG Autoparts dan bukannya dialirkan melalui longkang dan memasuki ke Sungai Gong; dan

(d) sekiranya kes pendakwaan adalah bahawa bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts dilupuskan ke dalam alur air yang mengalir ke dalam Sungai Gong adalah berpunca dari air bersama kekotoran yang dihasilkan daripada kerja-kerja pembersihan mesin-mesin di premis FG Autoparts oleh pekerja-pekerja responden, ia jelas bercanggah dengan keterangan SP21 sendiri yang mensyaki terdapat kebocoran peralatan *waterjet* yang telah diubahsuai dan kesan tumpahan minyak jentera berat yang kemudiannya mengalir ke alur air hingga ke alur Sungai Gong.

[20] HMS juga membuat dapatan bahawa proses simulasi pencemaran air Sungai Gong yang dijalankan oleh SP14 bersama sembilan anggota yang lain pada 23 Oktober 2020 juga telah gagal mencapai objektifnya kerana air sebanyak 6,000 liter yang dialirkan daripada takungan air pertama dalam premis FG Autoparts tidak pun mengalir masuk ke Sungai Gong tetapi terhenti di alur air di luar premis FG Autoparts.

[21] HMS juga berpandangan sekiranya simulasi tersebut berjaya menunjukkan arah aliran air dari premis FG Autoparts ke dalam Sungai Gong, ia masih tidak menjadikan keterangan yang kredibel untuk membuktikan bahawa responden-responden yang membuang atau melepaskan bahan berbahaya tersebut ke dalam alur air.

[22] Di akhir kes pendakwaan, HMS yang bijaksana telah mendapati bahawa keterangan-keterangan saksi pendakwaan adalah tidak mencukupi bagi membuktikan elemen-elemen pertuduhan. Berdasarkan penilaian maksimum ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan, HMS mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden-responden ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut. Oleh yang demikian, HMS telah memerintahkan supaya responden-responden dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

PRINSIP UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT RAYUAN

[23] Mahkamah ini dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan

seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah dan tidak menurut undang-undang ini.

[24] Dalam kes *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan yang berikut:

> [51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. *An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge*, who had the advantage of seeing and hearing the witness, *unless there were substantial and compelling reasons* for disagreeing. (Penekanan ditambah.)

[25] Berpandukan kepada prinsip undang-undang mantap tersebut, mahkamah ini telah meneliti dan mempertimbangkan alasan dan merit rayuan ini serta bukannya semata-mata atas alasan bahawa mahkamah ini mempunyai pandangan dan dapatan yang berbeza.

[26] Oleh yang demikian, mahkamah ini telah meneliti keseluruhan rekod rayuan yang ada dan mempertimbangkan alasan-alasan bagi rayuan ini.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

Elemen bahawa responden-responden yang melakukan perbuatan kesalahan

[27] Mahkamah ini telah meneliti semula kedua-dua pertuduhan dalam kes ini dan mendapati bahawa responden-responden telah didakwa dengan niat bersama atas kapasiti peribadi mereka masing-masing. Ini berbeza sekiranya sebuah badan korporat atau syarikat yang didakwa atau dituduh.

[28] Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan bagi membuktikan bahawa responden-responden dengan niat bersama telah menyebabkan khianat dengan menyebabkan pelepasan bahan berbahaya tersebut ke dalam Sungai Gong (bagi pertuduhan pertama) atau telah melepaskan bahan berbahaya daripada premis FG Autoparts ke dalam alur air yang mengalir ke dalam Sungai Gong (bagi pertuduhan kedua).

> Bahan berbahaya yang mengalir dari premis FG Autoparts melalui alur air dan memasuki ke Sungai Gong.

[29] Perayu telah menghujahkan bahawa sampel yang bertanda F9 dan F9A yang diambil oleh pasukan SP5 daripada dalam parit di hadapan premis FG Autoparts telah disahkan oleh SP15 mengandungi minyak mineral menunjukkan profil *waste oil*. SP15 dalam laporan kimia ('eksh P66')

menyatakan bahawa *waste oil* adalah campuran *heavy oil* dan *light fuel oil* yang mana keduanya adalah bahan berbahaya yang akan menjejaskan parimeter kualiti air.

[30] Walau bagaimanapun, telah timbul keraguan sama ada sampel-sampel yang diambil tersebut adalah merupakan sampel yang sama yang telah diterima untuk dibuat analisis oleh SP15. Berdasarkan pernyataan bertulis saksi PSP15 menyatakan bahawa sampel-sampel yang diterima bermeterai 'justice via forensics'. Namun apabila dirujuk kepada barang kes tersebut dalam mahkamah (eksh P71, P71A, P72, P72A, P73, P73A, P74, P74A, P75, P76, P77, P78, P79, P80, P81, P82, P83, P84, P85, P86, P87 dan P88), SP15 telah bersetuju bahawa barang kes yang dimaksudkan tersebut tidak mempunyai meterai 'justice via forensics'.

[31] Tambahan pula sampel-sampel bertanda F9 dan F9A serta bertulis Dosan WDG Resources tersebut di ambil dari luar premis FG Autoparts.

[32] Dalam kes *Loh Kah Loon v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 260, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa segala eksh yang ditemui oleh pihak polis haruslah sama dengan eksh yang diserah dan diperiksa oleh ahli kimia serta ekshibit yang sama dibawa ke hadapan mahkamah:

> [17] It can be seen from the above that there was no break in the chain of evidence regarding exhibits. The identity of the exhs was well established. Thus, on the facts of this case, the difference in the weight of the exhibits as found by the police and the chemist, by itself cannot be said to have created doubt as to the identity of the exhibits. *The real question is whether the exhibits recovered by the police is the same exhibits sent to and examined by the chemist and subsequently produced in court as evidence*. We have no doubt that it was the same exhibits.

[33] Oleh yang demikian, ketidaksepadanan sampel-sampel yang dianalisa oleh SP15 dan sampel-sampel yang dikemukakan dalam mahkamah telah menimbulkan keraguan yang munasabah.

Kewujudan Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd di sebelah premis FG Autoparts

[34] SP21 yang menyiasat kes ini telah mengesahkan dalam keterangannya tentang kewujudan premis bersebelahan premis FG Autoparts iaitu premis Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd yang juga terlibat dalam kerja pembasuhan *culvert* dengan menggunakan *solvent*. Tambahan lagi, SP21 juga menyatakan bahawa alur air di hadapan premis Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd adalah bersambung dengan premis sykt FG Autoparts Sdn Bhd

[35] Walau bagaimanapun, SP21 hanya pergi menyiasat ke premis Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd tersebut pada 27 Oktober 2020. Kelewatan sembilan hari selepas kejadian (19 Oktober 2020) untuk SP21 melakukan siasatan ke atas premis bersebelahan tersebut telah menimbulkan keraguan yang amat ketara kerana Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd juga terlibat dalam pembasuhan *culvert* yang menggunakan bahan *solvent*.

[36] Malahan menurut Mohd Sayuti bin Shafie, Pengurus Projek Ehsan Sdn Bhd ('SP11') dalam keterangannya mengatakan bahawa laluan longkang adalah bermula daripada premis Sykt Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd dan menghala ke hadapan premis FG Autoparts Sdn Bhd. Ini bermaksud sebarang aliran air yang keluar dari premis Soon Heng Concrete & Trading Sdn Bhd akan melalui parit yang berada di hadapan premis FG Autoparts Sdn Bhd juga. Menurut SP11 lagi, kerja-kerja pembinaan yang diuruskannya juga telah menggunakan jentera-jentera seperti *excavator*, *backhoe*, *compactor*, *backpusher* dan lori.

[37] Oleh yang demikian, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa bahan berbahaya tersebut mengalir daripada premis FG Autopart melalui alur air dan memasuki Sungai Gong. Malahan terdapat keraguan yang ketara terhadap sampel-sampel yang diambil dalam siasatan kes ini untuk membuktikan kandungan bahan berbahaya yang berpunca daripada premis FG Autoparts.

Laporan kimia yang tidak konklusif

[38] Menurut laporan kimia yang disediakan oleh SP15 iaitu Laporan Kimia No B(AS)02101/20 ('eksh P65') dan Laporan Kimia No B(AS)02102/20 (eksh P66) ada menyebut tentang kewujudan *waste oil* dan *light fuel oil* dalam sampel-sampel yang dibuat analisis (eksh F1 hingga F14A). *Waste oil* adalah campuran *heavy oil* (minyak pelincir) dan *light fuel oil* (minyak mineral berasaskan petroleum seperti petrol dan diesel).

[39] Bagi maksud air minuman manusia yang berkaitan dengan pertuduhan pertama, pihak pendakwaan telah merujuk kepada *National Standard for Drinking Water Quality* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ('eksh P37'). Adalah jelas pemahaman daripada eksh P37 tentang standard air minuman manusia bahawa 'It must have pleasant to drink and free from all harmful organisms, chemical substances and radionuclides in amounts, which could constitute a hazard to the health of the consumer'.

[40] Manakala pihak responden dalam penghujahannya telah merujuk kepada *National Water Quality Standards for Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar ('JAS'). Mahkamah ini berpandangan ia relevan kepada

pertuduhan kedua dalam kes ini. Laporan-laporan kimia tersebut gagal menyatakan atau menunjukkan isipadu atau jumlah *waste oil* yang terkandung dalam bahan atau sampel yang dibuat analisis tersebut bagi menentukan atau mengenal pasti sama ada sampel-sampel yang diambil telah mengganggu gugat indeks/parameter kualiti air atau tidak. Ujian atau *screening* berkaitan indeks/parameter kualiti air adalah amat penting bagi menentukan status kualiti air bagi membolehkan keputusan sama ada benar air tersebut tidak lagi boleh digunakan bagi tujuan asal.

[41] Dalam kes *Malaysian Vermicelli Manufacturers (Melaka) Sdn Bhd v Pendakwa Raya* [2001] MLJU 359; [2001] 7 CLJ 74, hakim Ahmad Maarop (semasa di Mahkamah Tinggi) memutuskan kes dengan merujuk kepada indeks/parameter kualiti air mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar:

> *The parameter limits of effulents to be discharged* into inland waters are specified in the Third Schedule to the Regulations. Apart from s 51 of the EQA, the Minister is also empowered to specify such acceptable conditions for the discharge of environmentally hazardous substances, pollutants or wastes into any area, segment or element of the environment pursuant to the provisions under s 21 of the EQA ...

[42] SP15 sendiri telah memberi keterangan bahawa beliau gagal melakukan sebarang ujian ataupun screening berkaitan indeks/parameter kualiti air. Oleh itu, mahkamah ini hanya dapat bersetuju bahawa laporan-laporan kima tersebut adalah tidak konklusif atau tidak mencukupi (*not sufficient*) untuk tujuan pembuktian bagi pertuduhan kedua.

Kegagalan membuktikan aktiviti mencuci mesin dan jentera berat di premis FG Autoparts pada 17 hingga 19 Oktober 2020

[43] Berdasarkan kepada keterangan pekerja-pekerja FG Autoparts Sdn Bhd iaitu Aung Zaw Min ('SP19') dan Lamcihanne Tek Narayan ('SP20') mengatakan bahawa dua orang individu yang biasa melakukan aktiviti mencuci mesin dan jentera berat di premis FG Autoparts adalah pekerja bernama Lau Min dan Primbahadur. Walau bagaimanapun, Lau Min atau Primbahadur tidak dapat dipanggil memberi keterangan bagi mengesahkannya kerana kedua mereka telah meninggal dunia.

[44] Selain daripada kegagalan membuktikan individu yang menjalankan kerja-kerja pembersihan mesin dengan menggunakan bahan yang mengandungi bahan berbahaya, pihak pendakwaan juga telah gagal membuktikan wujudnya kerja-kerja pembersihan mesin tersebut yang dijalankan pada tarikh-tarikh seperti dalam kedua-dua pertuduhan iaitu pada 17 hingga 19 Oktober 2020.

[45] Sebaliknya melalui keterangan daripada SP19 dan SP20 mengatakan bahawa kerja-kerja pencucian dan pembasuhan telah dilakukan dengan cermat di hadapan sebuah penapis air kotor/*oil filter* yang dibina dalam premis FG Autoparts. Ini dapat dilihat daripada gambar-gambar tempat basuhan eksh P3 (1 hingga 11) dan gambar-gambar premis eksh P27 (1 hingga 45) yang mana telah dijelaskan oleh SP19 dan SP20 dalam keterangan mereka.

Proses simulasi yang gagal dan cacat

[46] Perayu dalam hujahannya telah mengatakan bahawa proses simulasi yang dilakukan oleh SP14 adalah bagi mengukuhkan dakwaan bahawa aliran air yang keluar dari premis FG Autoparts telah mengalir masuk ke Sungai Gong.

[47] Pihak pendakwaan telah mengemukakan Data Meteorologi daripada Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 2 November 2020 (eksh P105). Berdasarkan data *hourly rainfall duration and amount* dalam P105 tersebut mendapati tiada hujan yang dilaporkan pada 17 hingga 19 Oktober 2020 setakat masa sampel diambil jam 18.45 petang pada 19 Oktober 2020.

[48] Simulasi yang dijalankan oleh SP14 hanyalah merupakan lakon semula. Simulasi yang telah dijalankan tidak menggambarkan keadaan sebenar pada masa kejadian kerana jumlah air yang dilepaskan adalah terlalu *excessive* iaitu 6,000 liter pada takungan air pertama dan 6,000 liter lagi pada takungan air kedua menjadikan jumlah air yang dilepaskan adalah sebanyak 12,000 liter air bagi membolehkan air tersebut mengalir masuk ke Sungai Gong. Sedangkan tiada keterangan atau bukti yang boleh menunjukkan bahawa pada tarikh-tarikh yang material, sebanyak 12,000 liter air juga telah digunakan oleh responden-responden untuk melepaskan atau membuang bahan berbahaya ke Sungai Gong. Apatah lagi jika diambil kira tiada hujan yang turun berdasarkan eksh P105 pada tarikh-tarikh yang material.

Bahan berbahaya tersebut daripada tumpahan minyak jentera berat yang berpunca daripada peralatan waterjet yang bocor

[49] Perayu telah menghujahkan pula bahawa HMS telah terkhilaf apabila tidak mengambil kira bahawa terdapat rampasan sebuah enjin motorlori jenama HICOM yang telah diubah suai menjadi mesin tembak air *waterjet* yang mana berdasarkan keterangan SP17 dan SP18 mengesahkan terdapat kebocoran peralatan *waterjet* tersebut. Rampasan enjin motorlori jenama HICOM yang diubah suai menjadi mesin tembak air/*waterjet* tersebut dinyatakan dalam borang penyerahan barang-barang kes daripada ASP Norazman bin Zakaria kepada SP21 bertarikh 21 Oktober 2020 eksh P101). Oleh itu perayu menghujahkan juga bahawa bahan berbahaya yang mengalir

dari premis FG Autoparts tersebut dan memasuki ke Sungai Gong adalah akibat daripada tumpahan minyak jentera berat yang berpunca daripada peralatan *waterjet* yang bocor.

[50] Walau bagaimanapun, terdapat keraguan tentang masa sebenar kebocoran peralatan *waterjet* itu berlaku. Menurut saksi S Murugan (pembantu kemahiran mekanikal JKR) ('SP18') dalam keterangannya, pemeriksaan pada *waterjet* tersebut hanya dilakukan pada 10 November 2020 iaitu 20 hari selepas *waterjet* tersebut dirampas iaitu pada 21 Oktober 2020. Oleh yang demikian, memandangkan pemeriksaan ke atas *waterjet* tersebut hanya dilakukan pada 10 November 2020, SP18 tidak mempunyai pengetahuan masa sebenar kebocoran *waterjet* itu berlaku. Lebih-lebih lagi SP18 tidak berada di tempat dan pada masa rampasan untuk menyatakan pemerhatiannya ke atas keadaan *waterjet* semasa rampasan.

[51] Selain itu, pegawai polis yang membuat rampasan *waterjet* tersebut pada 10 November 2020 iaitu ASP Norazman bin Zakaria tidak juga dipanggil sebagai saksi untuk menjelaskan keadaan *waterjet* semasa rampasan.

[52] Secara alternatifnya, sekiranya ada kebocoran pada *waterjet* tersebut, pihak pendakwaan masih gagal untuk membuktikan kuantiti minyak diesel yang menitik akibat kebocoran *waterjet* tersebut sehingga membolehkan ia mengalir dari premis FG Autoparts memasuki Sungai Gong. Tambahan pula, berdasarkan data dalam taburan hujan pada eksh P105 tidak menunjukkan hujan sepanjang 17 hingga 19 Oktober 2020 untuk menyokong pengaliran bahan berbahaya akibat tumpahan minyak jentera itu memasuki Sungai Gong.

Tiada sebarang alur air yang jelas di hadapan premis FG Autoparts

[53] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan responden-responden bahawa tiada keterangan dalam kes pendakwaan yang dapat menunjukkan dengan jelas aliran alur air daripada luar premis FG Autoparts hingga ke Sungai Gong.

[54] Melalui surat daripada Majlis Perbandaran Selayang bertarikh 3 November 2020 ('eksh P97'), jurutera majlis perbandaran telah menyatakan bahawa tiada rekod berkaitan pelan peta aliran longkang/salur air dari premis kejadian ke Sungai Gong.

KEPUTUSAN

[55] Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar serta mempertimbangkan penghujahan bertulis serta penghujahan lisan pihak

perayu dan pihak responden, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati tidak wujud alasan yang bermerit bagi mahkamah ini mengganggu gugat dapatan dan keputusan HMS berkenaan (*no sufficient ground for interfering*) menurut s 316 Kanun Tatacara Jenayah. Keputusan HMS yang mendapati bahawa pihak pendakwaan (atau sebagai perayu dalam kes ini) telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden-responden adalah tepat dan wajar.

[56] Oleh yang demikian, mahkamah ini telah memutuskan bahawa rayuan pendakwa raya terhadap keputusan HMS yang bijaksana tersebut adalah ditolak. Justeru, perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak; perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden bagi kedua-dua pertuduhan tersebut dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar